



KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE UNTUK MAKLUMAN :

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PUP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

6 FEBRUARI 2022 (AHAD)



KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (KPDNHEP)

6 FEBRUARI 2022 (AHAD)



ROSOL Wahid memegang telur ayam dalam Program Jualan Keluarga Malaysia (PJKM) di Dataran Pasar Tani Kuala Ping, Hulu Terengganu, semalam. - MINGGUAN/NOOR HAYATI MAMAT

Gangguan bekalan ayam, telur selesai akhir bulan ini - Rosol

HULU TERENGGANU: Kerajaan memberi jaminan isu gangguan bekalan ayam dan telur di pasaran dapat diselesaikan akhir bulan ini.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Rosol Wahid berkata, kekurangan bekalan barang itu berpunca akibat musim perayaan di samping masalah logistik dihadapi penternak.

“Bagi memastikan isu ini tidak berulang, kita mengarahkan pembekal menyediakan stok secara mingguan.

“Melalui kaedah ini, kita dapat memantau sekali gus mencari jalan alternatif jika bekalan dijangka berkurangan pada minggu seterusnya,” katanya kepada pemberita selepas Program Jualan Keluarga Malaysia (PJKM) di Dataran Pasar Tani Kuala Ping di sini, semalam.

Rosol berkata, bekalan telur kini lebih stabil dengan sebanyak 91 peratus keberadaan barang itu direkodkan di pasaran, kelmarin.

Katanya, penggunaan harian telur ayam dalam kalangan rakyat Malaysia tinggi iaitu kira-kira 30 juta biji sehari bersamaan purata sebiji bagi setiap individu manakala ayam pula dua juta sehari atau bersamaan 60 juta sebulan.

Peniaga dakwa pembekal punca harga ayam tak turun



Peniaga masih menjual ayam dengan harga RM10 sekelogram ketika tinjauan di Pasar Awam Pulau Tikus di Georgetown, semalam, walaupun Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) menetapkan harga RM8.90 seekor ayam mengikut Skim Harga Maksimum Keluarga Malaysia (SHMKM) yang berkuat kuasa semalam sehingga 5 Jun. Peniaga mendakwa mereka terpaksa menjual tinggi daripada harga yang ditetapkan kerajaan kerana pembekal enggan menurunkan harga. *Nasional* 7

(Foto Mikail Ong/BH)



Ayam bersih yang dijual pada harga RM12 sekilogram di Pasar Awam Lebuh Cecil, semalam.
(Foto Zuheiny Zulkaffli/BH)

Peniaga harap masalah kekurangan bekalan selesai

Georgetown: Peniaga di Pasar Awam Lebuh Cecil, di sini, terpaksa menjual ayam mentah pada harga RM12 sekilogram sejak dua hari lalu berikutan kekurangan bekalan.

Peniaga yang enggan dikenali itu berkata, beliau menjual bahagian ayam yang sudah dipotong pada harga berkenaan mengikut berat dan keinginan pelanggan.

"Sudah dua' hari pembekal tidak menghantar bekalan, sedangkan saya sudah membuat bayaran kepada mereka.

"Saya peniaga ayam, jika bekalan ayam tiada, saya mahu jual

apa? Jadi, terpaksa saya jual dengan cara itu," katanya yang berharap situasi itu tidak berpanjangan.

Terdahulu, Mesyuarat Khas Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) mengenai Industri Pengeluaran Makanan memutuskan harga runcit maksimum bagi ayam standard dikurangkan 20 sen kepada RM8.90 daripada harga siling RM9.10 sekilogram.

Tinjauan di Pasar Awam Pulau Tikus, di sini, semalam mendapati peniaga juga menjual ayam dengan harga lebih mahal iaitu

RM10 sekilogram.

Sementara itu, peniaga ayam di Pasar Awam Jalan Patani, Muhammad Shamil Haja Mubarak Ali, berkata beliau akur dengan harga yang ditetapkan walaupun sudah kerugian lebih RM12,000 sejak beberapa bulan lalu.

Beliau berkata, buat masa ini, beliau tidak mengalami gangguan bekalan kerana membeli daripada beberapa pembekal.

"Jika hanya bergantung kepada satu pembekal sahaja, sudah tentu saya akan mengalami nasib yang sama dengan pembekal lain," katanya.



Ayam bersih yang dijual pada harga RM12 sekiogram di Pasar Awam Lebuh Cecil, semalam.

(Foto Zuheiny Zulkaffli/BH)

Peniaga harap masalah kekurangan bekalan selesai

Georgetown: Peniaga di Pasar Awam Lebuh Cecil, di sini, terpaksa menjual ayam mentah pada harga RM12 sekiogram sejak dua hari lalu berikutan kekurangan bekalan.

Peniaga yang enggan dikenali itu berkata, beliau menjual bahagian ayam yang sudah dipotong pada harga berkenaan mengikut berat dan keinginan pelanggan.

"Sudah dua' hari pembekal tidak menghantar bekalan, sedangkan saya sudah membuat bayaran kepada mereka.

"Saya peniaga ayam, jika bekalan ayam tiada, saya mahu jual

apa? Jadi, terpaksa saya jual dengan cara itu," katanya yang berharap situasi itu tidak berpanjangan.

Terdahulu, Mesyuarat Khas Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) mengenai Industri Pengeluaran Makanan memutuskan harga runcit maksimum bagi ayam standard dikurangkan 20 sen kepada RM8.90 daripada harga siling RM9.10 sekiogram.

Tinjauan di Pasar Awam Pulau Tikus, di sini, semalam mendapati peniaga juga menjual ayam dengan harga lebih mahal iaitu

RM10 sekiogram.

Sementara itu, peniaga ayam di Pasar Awam Jalan Patani, Muhammad Shamil Haja Mubarak Ali, berkata beliau akur dengan harga yang ditetapkan walaupun sudah kerugian lebih RM12,000 sejak beberapa bulan lalu.

Beliau berkata, buat masa ini, beliau tidak mengalami gangguan bekalan kerana membeli daripada beberapa pembekal.

"Jika hanya bergantung kepada satu pembekal sahaja, sudah tentu saya akan mengalami nasib yang sama dengan pembekal lain," katanya.

Premis PKPS di Selangor jual ayam RM8 sekilogram

Inisiatif bantu rakyat berjimat, kurangkan beban harga makanan

Oleh Ruwaida Md Zain dan Baharom Bakar
bhnews@bh.com.my

Shah Alam: Kerajaan negeri Selangor menerusi Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) menetapkan harga siling runcit ayam standard pada RM8 sekilogram, di premis jualan selian PKPS dalam usaha mengurangkan beban harga makanan.

Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari, berkata sebagai permulaan sebanyak 50,000 ekor ayam standard akan diperuntukkan bagi kempen harga jualan untuk tempoh dua minggu itu bermula Isnin ini.

"Program intervensi dengan dana RM1 juta ini meliputi kos subsidi, pengurangan sewa dan bantuan logistik kepada rantaian bekalan yang strategik untuk mengawal harga barang makanan khususnya produk segar."

"Ayam standard Ehsan PKPS pada harga RM8 sekilogram ini akan dijual di dua premis jualan utama iaitu di Pasar Borong Selangor (PBS), Seri Kembangan dan Wisma PKPS, Shah Alam.

"Untuk pusingan pertama kita sasarkan 50,000 ekor ayam. Kita hadkan juga dua ekor ayam untuk seorang pembeli. Kita tidak mahu ada pihak yang ambil kesempa-



Amirudin menunjukkan ayam standard yang dijual RM8 sekilogram pada Program Jualan Ayam Murah di pekarangan Wisma Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS), Shah Alam, semalam. (Foto Faiz Anuar/BH)

tan untuk industri," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas sesi lawatan ke premis jualan barangan segar PKPS di Wisma PKPS, di sini semalam.

Sementara itu, beliau memberi jaminan bekalan ayam mencukupi menjelang Ramadhan dan Syawal.

Katanya, Selangor mempunyai ladang ayam yang mampu menghasilkan 540,000 ekor ayam bagi setiap pusingan iaitu kira-kira tiga bulan.

Sementara itu, Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Rosol Wahid, berkata pembekal

ayam dan telur di seluruh negara perlu mengemukakan stok bekalan secara mingguan bagi menyelesaikan masalah kekurangan bekalan itu, berkuat kuasa serta-merta.

Beliau berkata, laporan stok bekalan secara mingguan itu bertujuan memudahkan tindakan alternatif dilakukan, termasuk menambah jika berlaku pengurangan bekalan.

"Berdasarkan rekod, rakyat negera ini menggunakan kira-kira 30 juta biji telur ayam sehari atau 930 juta sebulan dan kira-kira dua juta ayam sehari atau 60 juta ekor sebulan," katanya selepas meninjau Program Jualan Keluarga Ma-

laysia (PJKM) peringkat Dewan Undangan Negeri (DUN) Telemong, di Dataran Kuala Ping, di sini, semalam.

Mengenai lanjutan tempoh Skim Harga Maksimum Keluarga Malaysia (SHMKM), Rosol berkata, hanya ayam dan telur terbabit dengan perlanjutan kawalan harga yang bermula semalam hingga 5 Jun depan.

"Harga maksimum runcit ayam standard dikurangkan sebanyak 20 sen sekilogram (kg) daripada harga siling ditetapkan RM9.10kg, manakala harga harga telur ayam semua gred kekal seperti yang ditetapkan sebelum ini," katanya.

HARI : AHAD
TARIKH : 6/2/2022
M/SURAT : 7

3,000 telur ayam habis dijual dalam tempoh setengah jam

Kuala Berang: Sebanyak 3,000 biji telur ayam habis terjual dalam tempoh kira-kira setengah jam, pada Program Jualan Keluarga Malaysia (PJKM), yang diadakan di Kampung Kuala Ping, di sini semalam.

Telur gred C itu dijual pada harga RM11.50 sepapan atau 30 biji.

Selain telur, sebanyak satu metrik tan ayam segar yang dijual pada harga RM6.20 se-kilogram (kg) dan 150 kg daging dijual pada harga RM25/kg juga menjadi rebutan pengunjung di PJKM.

Harga ayam segar ditetapkan RM8.20/kg, tetapi diberi subsidi sebanyak RM2 oleh Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Pengguna, Datuk Rosol Wahid, manakala daging pula diberi subsidi RM6/kg berbanding harga asal RM31 setiap kg.

Tinjauan di PJKM mendapat, lebih 1,000 pengunjung menyerbu tapak jualan seawal jam jam 7.30 pagi dan gerai telur, ayam segar serta daging antara yang menjadi tumpuan.

Rosol yang juga Ahli Parlimen Hulu Terengganu berkata, penjualan telur dihadkan hanya 30 biji bagi setiap pengunjung, manakala ayam segar pula hanya dua ekor dan satu kilogram daging.

Beliau berkata, PJKM peringkat Parlimen Hulu Terengganu akan diadakan di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Manir selama dua hari pada Sabtu depan.



Kenaikan harga barang dijangka hanya membabitkan peratusan kecil, iaitu antara satu hingga tiga peratus.
(Foto hiasan)

Pantau peniaga ambil kesempatan

Kuala Lumpur: Pertambahan kadar elektrik atau surcaj 3.7 sen bagi setiap kilowatt sejam (kW) kepada sektor komersial dan industri tidak akan menyebabkan kenaikan harga barang yang ketara kepada pengguna.

Ketua Pegawai Eksekutif Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA), T Saravanan, berkata kenaikan harga barang dijangka hanya membabitkan peratusan kecil, iaitu antara satu hingga tiga peratus.

Beliau bagaimanapun, berkata mungkin ada peniaga yang mengambil kesempatan menaikkan harga barang secara melampau dan perkara itu perlu dipantau Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP).

Katanya, industri itu akan mengalami kenaikan kos operasi sekitar lima hingga 15 peratus berikutnya surcaj berkenaan.

"Kita tidak boleh lari daripada kenaikan harga dengan peningkatan surcaj ini kerana harga batu arang di dunia sangat tinggi.

"Namun, kita juga faham dalam keadaan pasca pandemik dan banjir ini, ramai yang tidak bersedia untuk menampung kenaikan harga barang.

"Kenaikan harga barang akan berlaku, tetapi tidak terlalu

tinggi atau memberi kesan komersial. Ia sepatutnya hanya antara satu hingga tiga peratus... kecil sangat. Kalau naik lebih daripada itu, ia adalah pencutan," katanya kepada *BH*.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas kenyataan Presiden Kebangsaan Persatuan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) Malaysia, Ding Hong Sing, yang menjelaskan pengguna perlu sedaya berdepan kenaikan harga barang susulan peningkatan surcaj 3.7 sen oleh Tenaga Nasional Berhad (TNB) kepada industri.

Mengulas beban kenaikan harga kepada golongan B40, beliau berkata, kerajaan boleh menambah baik program bantuan untuk mereka.

Kerajaan baru-baru ini bersetuju untuk pemberian rebat dua sen/kWj dikenakan kepada semua pengguna domestik dan tiada surcaj dikenakan.

Berikutnya langkah itu, kerajaan memperuntukkan dana Kumpulan Wang Industri Elektrik (KWIE) sebanyak RM715 juta untuk menanggung kos terbabit.

Kerajaan juga mengumumkan, pengguna bukan domestik seperti komersial dan industri akan dikenakan surcaj Pelepasan Kos Tidak Seimbang (ICPT) sebanyak 3.70 sen/kWj.



T Saravanan

Kementerian beri jaminan isu stok ayam, telur dapat diatasi bulan ini

Harga kembali stabil hujung Februari

Oleh MOHD. AZLI ADLAN

HULU TERENGGANU — Kerajaan memberi jaminan masalah kekurangan ayam standard dan telur ayam yang meruncing di pasaran pada masa ini akan dapat diatasi sepenuhnya menjelang akhir bulan ini.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Rosol Wahid berkata, berdasarkan hasil pertemuan baru-baru ini, pengeluar memaklumkan bekalan kedua-dua bahan mentah itu akan stabil semula pada minggu terakhir bulan ini.

Beliau berkata, pengeluaran telur ayam hanya mencapai 91 peratus daripada keperluan 30 juta biji sehari, manakala bekalan ayam standard pula kekurangan tiga juta ekor sepanjang bulan lalu.

"Antara faktor kekurangan bekalan ialah permintaan mendadak dan masalah logistik akibat cuti perayaan Tahun Baru Cina serta kekurangan temaga buruh.



ROSOL (dua dari kanan) memeriksa bekalan minyak masak peket yang dijual pada program Jualan Keluarga Malaysia peringkat Hulu Terengganu di Dataran Kuala Ping, Hulu Terengganu semalam.

"Begitu pun syarikat pengeluar terbabit memberi jaminan bekalan ayam standard dan telur ayam akan kembali stabil pada minggu akhir bulan ini," katanya.

Terdahulu beliau ditemui ketika memantau program Jualan Keluarga Malaysia peringkat Hulu Terengganu di Dataran Kuala Ping, di sini semalam.

Rosol berkata, mengambil pengajaran daripada isu terbabit, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) telah

mengarahkan semua syarikat pengeluar ayam standard dan telur ayam tempatan mengevaluasi bekalan masing-masing secara mingguan.

Jelas Ahli Parlimen Hulu Terengganu itu, ketetapan baharu terbabit memudahkan kerajaan merangka pelan penyelesaian pantas sekiranya berlaku masalah kekurangan bekalan lagi pada masa depan.

Kerajaan juga memutuskan Skim Kawalan Harga Keluarga Malaysia (SKHKM) yang sepatutnya berakhir kelmarin dilanjutkan sehingga 5 Jun depan.

"Begitupun, ia hanya melibatkan ayam standard dan telur ayam gred A, B dan C yang merupakan barang keperluan utama rakyat negara ini," katanya.

Rosol berkata, pendekatan memperkenalkan SKHKM itu adalah komitmen kerajaan memastikan harga ayam standard dan telur ayam kekal stabil sekurang-kurangnya sehingga Hari Raya Aidilfitri.

'100 papan telur ayam gred C licin tak sampai 30 minit'



SEBAHAGIAN pengguna membeli telur ayam yang dijual di Dataran Kuala Ping, Hulu Terengganu semalam.

HULU TERENGGANU — Telur ayam menjadi produk paling dicari pengguna dan laris dijual pada penganjuran Jualan Keluarga Malaysia peringkat Hulu Terengganu di Dataran Kuala Ping, di sini semalam.

Sebanyak 100 papan telur gred C yang disediakan operator program tersebut habis dibeli pengguna dalam tempoh tidak sampai 30 minit selepas kaunter jualan dibuka pada pukul 8 pagi.

Seorang pengguna, Isa Wahab, 65, berkata, dia menghadapi masalah mendapatkan bekalan telur ayam sehingga menjelaskan

perniagaan roti canainya sejak dua minggu lalu.

Dia berkata, bekalan telur sangat terhad sehingga memaksa nya berkunjung di banyak pasar raya dan kedai runcit sehingga ke pekan Kuala Berang, di sini untuk mencari bahan mentah itu.

"Banyak hari juga saya terpaksa menghentikan penjualan roti telur selain terpaksa mengadun doh roti canai tanpa telur mengikut resipi tradisional peniaga India.

"Saya terus tergesas apabila mengetahui penganjuran program Jualan Keluarga Malaysia hari ini (semalam) tidak jauh dari

geral. Itupun hanya dibenarkan membekal dua papan telur ayam gred C," katanya kepada Kosmo! Ahad di Dataran Kuala Ping, di sini semalam.

Sementara itu, Pengurus Nirwana (Kuala Berang) Sdn. Bhd., Mohammad Ridzwan Abdullah berkata, pasar raya miliknya sebagai operator diamanahkan cuma mampu membekalkan 100 papan telur bagi program Jualan Keluarga Malaysia terbabit.

"Kami juga alami masalah daripada pembekal sejak dua minggu lalu. Mereka hanya hantar 100 hingga 300 papan telur ayam setiap tiga hari," katanya.

BEKALAN KURANG, HARGA NAIK

TELUR JADI 'EMAS'

Telur ayam terutama jenis gred C yang kini kekurangan di pasaran terus menjadi buruan orang ramai di seluruh negara. Peniaga turut berdepan masalah mendapatkan bekalan mencukupi. Untuk rekod, rakyat Malaysia yang berjumlah kira-kira 32 juta orang memerlukan kira-kira 11.5 bilion biji telur setahun. lapor Muhammad Sauti Hassan dan Nor 'Asyikin Mat Hayin



MS2.34814

'NILAI' TELUR BAK EMAS

Kerajaan disaran beri subsidi khas kurangkan harga dedak untuk elak krisis bekalan

Oleh Muhammad Saufi Hassan dan Nor 'Asyikin Mat Hayin
 am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

T iada yang lebih penting ketika ini kecuali telur ayam yang dilumpukan lebih bernilai daripada emas kerana kesukaran untuk mendapatkannya, hatta telur gred C, memandangkan penawaran dalam pasaran cukup terhad.

Lihat saja di mana-mana, ramai 'pemburu telur' berusaha mendapatkan bekalan makanan itu walaupun ada kalanya pulang dengan tangan kosong.

Malah, peniaga juga turut berdepan situasi gagal memperoleh bekalan seperti diminta memandangkan pengeluar sendiri berdepan pelbagai kekangan untuk memenuhi permintaan luar biasa ini.

Negeri seperti Terengganu juga berdepan isu kesukaran telur di beberapa daerah. Ramai juga



Saya menjangka harga telur dan ayam akan naik memandangkan kos penghasilan bahan makana ayam sekitar 70 peratus daripada jumlah keseluruhan kos pengeluaran"

Dr Nur Azura

yang berusaha membeli lebih daripada satu papan telur namun gagal berbuat demikian.

Untuk rekod, rakyat Malaysia seramai 32 juta memerlukan 11.5 billion biji telur setahun.

la berdasarkan anggaran

31 juta telur diperlukan setiap hari bagi memenuhi keperluan permintaan baharuan makanan ini.

Walaupun berdepan isu kekurangan bekalan namun ia dijangka kembali pulih dalam masa terdekat.

Dekan Fakulti Pertanian Universiti Putra Malaysia (UPM) Prof Madya Dr Nur Azura Adam berkata, berdasarkan data diperoleh menunjukkan keperluan rakyat negara ini terhadap telur ayam sekitar 21 kilogram atau 361 biji setahun untuk setiap individu.

"Untuk menampung keperluan semasa, dianggarkan 672,000 tan metrik telur diperlukan setahun.

"Ketika ini, jumlah ditawar tidak mampu memenuhi permintaan pasaran.



KEPERLUAN TELUR (ANGGARAN)

21kg / 361 biji telur untuk tempoh setahun

= Seorang penduduk

11.5 billion biji telur untuk tempoh setahun

= 32 juta penduduk

31 juta biji telur sehari diperlukan untuk keperluan penduduk

672,000 tan metrik telur selama 12 bulan

"Saya menjangka harga telur dan ayam akan naik memandangkan kos penghasilan bahan makana ayam sekitar 70 peratus daripada jumlah keseluruhan kos pengeluaran," katanya kepada Metro Ahad.

Dr Nur Azura berkata, realiti permasalahan kenaikan harga ayam dan telur banyak dipengaruhi bahan makanan ayam seperti jagung dan kacang soya diimport.

"Kita import bahan mentah ini dari negara seperti

China, Brazil dan Argentina, sekali gus menjadikan

harga pasaran antarabangsa di luar kawalan kita.

"Pada masa sama, perlu lihat kos logistik yang me-

ningkat bukan hanya dalam negara, malah di peringkat antarabangsa terutama kos kargo.

"Ada pengusaha atau peternak mengeluh faktor kenaikan disebabkan harga tidak terkawal bahan peternakan seperti dedak, vitamin dan beberapa faktor luaran lain hingga mengakibatkan mereka terpaksa meningkatkan harga telur serta ayam," katanya.

Menurut beliau, keluhan ini relevan kerana bahan itu tidak dihasilkan dalam negara dan semuanya bergantung kepada impor.

"Jika ada cadangan berhubung kawalan harga bahan makanan ayam, sebenarnya ia di luar kuasa kita. Bagaimanapun, mungkin kerajaan boleh memperkenalkan subsidi khas apabila berdepan dengan krisis sebegini untuk mengurangkan harga dedak," katanya.




PELANGGAN memilih telur yang dijual peniaga di sekitar Pasar Chow Kit, semalam. - Gambar NSTP ASYRAF HAMZAH

+



HARI : AHAD
TARIKH : 6/2/2022
M/SURAT : 3



TINJALAN jualan telur ayam di sebuah pasar raya di Chow Kit, Kuala Lumpur, semalam. Peniaga menjual telur ayam mengikut harga dan gred seperti yang ditetapkan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP). - Gambar NSTP/ASYRAF HAMZAH

TELUR GRED C 'LAKU KERAS'

Oleh Baharom Bakar
am@hmetro.com.my

Kuala Berang

Sebanyak 3,000 biji telur ayam gred C 'laku keras' dalam tempoh 30 minit pada Program Jualan Kehuarga Malaysia (PJKM) di Kampung Kuala Ping di sini, semalam.

Malah, ayam segar sebanyak satu metrik tan yang dijual pada harga RM6.20 sen satu kilogram (kg) juga

Jualan telur, ayam segar dan daging dihadkan bagi memberi keadilan kepada pengunjung lain

Rosol Wahid

licin dalam tempoh satu jam manakala 150kg daging yang dijual pada harga RM25 sekilogram turut menjadi rebutan pengunjung.

Harga ayam segar ditetapkan pada RM8.20 sekilogram, tetapi diberi subsidi oleh Timbalan Menteri

Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Pengguna, Datuk Rosol Wahid sebanyak RM2.

Sementara itu, daging diberi subsidi sebanyak RM6 sekilogram.

Tinjauan Metro Ahad di PJKM mendapat lebih 1,000 pengunjung me-



ORANG ramai tidak melepaskan peluang mengunjungi gerai jualan PJKM di Kampung Kuala Ping, Kuala Berang, semalam.

nyerbu ke tapak jualan seawal jam 7.30 pagi dengan gerai menjual telur, ayam segar dan daging antara yang

menjadi tumpuan.

Rosol yang juga Ahli Parlimen Hulu Terengganu berkata, penjualan telur dihad-

kan hanya 30 biji kepada setiap pengunjung manakala daging dihadkan bagi ayam segar hanya dua ekor dan satu kg daging.

"Jualan telur, ayam segar dan daging dihadkan bagi memberi keadilan kepada pengunjung lain," katanya.

Usah buat belian panik lebih dari biasa

Putrajaya: Pengguna dinasihati tidak membuat permohonan panik atau lebih daripada biasa kerana kekurangan bekalan telur ayam yang berlaku adalah isu terpencil dan akan kembali normal serta stabil selepas cuti Tahun Baharu Cina.

Pengarah Penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Azman Adam berkata, peningkatan permintaan pembelian telur ayam yang mendadak sebelum, semasa dan selepas cuti Tahun Baharu Cina menyumbang kepada gangguan bekalan itu di seluruh negara.

Menurutnya, selain itu, ada ladang ternakan ayam, telur ayam dan syarikat logistik penghantaran tidak beroperasi sepanjang cuti Tahun Baharu Cina, malah ada yang bercuti lebih daripada dua hari.

"Perkara itu menyumbang kepada

kelewatan dalam membekalkan telur dari ladang kepada pemborong dan peruncit di lokasi seperti di Terengganu, Negeri Sembilan, Perlis dan Sarawak," katanya dalam satu kenyataan, kelmarin.

Menurut beliau, penguatkuasa KPDNHEP sentiasa melakukan pemantauan dan pemeriksaan setiap hari bagi menentukan kedudukan bekalan barang keperluan utama di setiap rantaian pengedaran di peringkat pengeluar, pengilang, pemborong dan peruncit mencukupi.

"Selain ayam dan telur, barang lain turut dipantau termasuk gula, minyak masak, tepung gandum, beras, roti putih, susu tepung, sayur-sayuran dan bawang," katanya.

Sebelum ini, media melaporkan, peniaga runcit memaklumkan mereka sukar mendapatkan bekalan telur ayam kerana pemborong tidak menghantar bekalan.

Barangan lain turut dipantau termasuk gula, minyak masak, tepung gandum, beras

HARI : AHAD
TARIKH : 6/2/2022
M/SURAT : 4

Harap harga kekal secara konsisten

Kajang: Penurunan harga jualan ayam daripada RM9.10 sekilogram kepada RM8.90 sekilogram berkuat kuasa semalam, diharap dapat dikekalkan secara konsisten dengan kawalan di setiap peringkat bermula daripada peladang sehingga peniaga.

Ibu harapan Salim Mohamad, 65, yang menjadikan ayam sebagai makanan ruji keluarganya.

"Sebelum ini, harga ayam naik berterusan dan hanya adakalanya turun sedikit. Sepanjang tempoh harga ayam naik dan turun itu, saya tetap juga membelinya empat kali seminggu.

"Ini kerana kami gemar makan berlaukan ayam. Justeru, saya berpendapat, perlu ada kawalan harga di setiap peringkat bermula daripada peladang sehingga peniaga supaya harga ayam turun secara konsisten," katanya yang juga pesara kerajaan.

Salim yang juga pesara ditemui di Pasar Kajang, dekat sini, semalam pada tinjauan harga ayam.

Pada masa sama, seorang lagi pengunjung, Juwita Halim, 42, berpendapat pe-



BEKALAN ayam di premis Jualan Mohd Rozain di Pasar Kajang habis dibeli oleh pelanggan.



MOHD ROZAIN

nurunan harga siling ayam itu tidak banyak mengurangkan perbelanjaan keperluan harian kerana peningkatan harga barang asas yang lain.

Kata Juwita, walaupun harga ayam turun, namun penurunan itu tidak begitu ketara memandangkan harga makanan asas berkenaan meningkat berterusan dalam tempoh beberapa bulan lalu.

"Penurunan harga ini tidak banyak membantu mengurangkan kos perbelanjaan harian kerana harga ayam sebelum ini memang sentiasa meningkat hingga dua kali ganda jika dibandingkan dalam tempoh beberapa tahun lalu.

"Walaupun harga ayam mahal, saya perlu juga membeli bahan mentah ini

tiga kali seminggu kerana ia makanan ruji kami," katanya.

Sementara itu, peniaga ayam di Pasar Kajang, Mohd Rozain Ghazali, 37, berkata, walaupun harganya turun namun peniaga masih berdepan kekurangan bekalan.

"Ketika ini, ada ramai peniaga ayam berdepan isu kekurangan bekalan. Ia menjasarkan pendapatan kami apabila tidak mampu menampung permintaan pelanggan.

"Saya hanya menerima 100 ekor sehari berbanding 200 yang ditempah daripada dua pembekal. Ia berlarutan sejak beberapa bulan lalu," katanya.

Mohd Rozain yang sudah 10 tahun berniaga di Pasar Kajang berharap kerajaan dapat membantu mengatasi masalah kekurangan bekalan yang dilihat tidak menunjukkan tanda-tanda akan pulih.

"Kebiasaannya, isu bekalan akan pulih dalam tempoh beberapa minggu saja, namun kali ini, ia berlarutan sehingga beberapa bulan seolah-olah tiada jalan keluar bagi masalah ini," katanya.

Ada yang kata ayam mentah serta telur ayam kini lebih bernilai daripada emas kerana sukar untuk diperoleh, khasnya ketika musim perayaan.

Ada juga yang salahkan penternak, pengilang, peniaga selain kerajaan. Namun, selain menudung jari, tidak ramai yang ambil peduli rantai punca kekurangan bekalan ini atau kenaikan harganya.

Ikuti wawancara bersama Pakar Ekonomi **PROF EMERITUS DR BARJOYAH BARDAI** dengan Pengarang Berita **NAZARALI SAERIL**, bagi mengulas isu ini.

Kenaikan harga ayam mentah serta telur ayam. Apa kaitannya dengan ekonomi negara secara keseluruhan?

Harga ayam dan telur banyak ditentukan oleh harga makanan ayam.

Ini kerana makanan ayam mengkaunkan 74 peratus daripada kos pengeluaran ayam.

Pengeluar ayam di Malaysia adalah salah satu industri yang paling cekap di Malaysia dengan kos *overhead* yang rendah dan produktiviti yang tinggi.

Masalahnya ialah hampir 94 peratus bahan mentah untuk memproses makanan ayam adalah diimport - 55 peratus jagung dan 25 peratus kacang soya.

Hanya enam peratus bahan tempatan terdiri daripada dedak padi dan sisa sawit (*palm kernel*).

Jagung dan kacang soya dibeli dalam dolar Amerika Syarikat (ASS) dari Amerika Syarikat (AS), negara Amerika Selatan dan negara Asia.

Walaupun harga jagung dan soya adalah di peringkat paling rendah kini, tetapi kelemahan ringgit Malaysia (RM) menyebabkan secara keseluruhan, harga bahan ini di dalam RM meningkat kira-kira antara 15 hingga 30 peratus.

Ayam dan telur ayam adalah sumber protein yang penting di Malaysia.

Secara purata, isi rumah di Malaysia memakan 48 kilogram (kg) daging ayam setiap tahun atau empat kilogram sebulan (dua ekor).

Jika kita belah ayam menjadi 12 bahagian seckor, setiap kita memakan satu per lima belah bahagian ayam setiap hari (ini agak rendah).

Sebenarnya, isi rumah di Malaysia memakan 50kg ikan, 19kg babi, tujuh kg lembu dan 1.15kg kambing selain 330 telur ayam (hampir sebijii setiap hari) bagi setahun.

Isi rumah kita masih lebih suka makan ikan daripada ayam.

Mengapa protein penting kepada isi rumah di Malaysia? Ini kerana protein membantu sel



untuk pertumbuhan badan.

Pada 1960-an, pengkaji seperti Prof Ungku Aziz (Profesor Diraja Ungku Abdul Aziz Ungku Abdul Hamid) menekankan bahawa orang Malaysia sangat kerdil berbanding dengan bangsa Eropah, malah bangsa Jepun dan Korea kerana kita kurang makan protein dan lebih banyak makan karbohidrat.

Isunya, apakah kerajaan perlu mengawal harga ayam dan telur untuk memastikan isi rumah mendapat protein yang cukup pada harga yang munasabah berbanding dengan pendapatan mereka?

Pada harga kawalan RM8.90 sekilo (bermula semalam hingga 5 Jun ini), setiap isi rumah perlu berbelanja kira-kira RM37 setahun.

Bagi sebuah keluarga lima orang, kos ayam kira-kira RM190 setahun selain lebih RM90 setiap orang untuk telur ayam atau kira-kira RM500 bagi setiap keluarga.

Masalahnya ialah, bukan penternak ayam yang mengambil keuntungan lebih, tetapi kos pengeluaran meningkat menyebabkan mereka mengurangkan pengeluaran bagi merasakan tersetakan.

Jadi, ayam memang tidak ada di pasaran. Kawalan harga hanya menyebabkan situasi semakin serius di pasaran.

Keperluan negara ialah 3,762 tan atau 2.09 juta ekor ayam sehari atau 113,220 tan sebulan.

Kini bekalan berkurang lebih 18 peratus di pasaran.

Sebagai tindak balas, kerajaan mengeluarkan lesen mengimpor melalui Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Maf) untuk membawa masuk 10,000 tan (5.5 juta ekor) ayam setiap bulan.

Beberapa penganalisis pasaran melihat ini mungkin tidak menyelesaikan masalah kerana ada pihak walaupun berupaya mengimport ayam beku pada harga kurang daripada RM6 sekilogram namun tetap menjualnya pada harga menghampiri RM9 sekilogram.

Kerajaan mengumumkan bahawa antara 200 hingga 300 kontena ayam beku akan sampai selepas sambutan Tahun Baharu Cina.

Kita tunggu apakah harga akan turun mendadak.

Pengurangan 20 sen sekilogram bagi harga runcit ayam mentah. Apa signifikannya kepada penternak, peniaga, masyarakat?

Pengurangan harga ayam sebanyak 20 sen sebenarnya menekan kedudukan penternak ayam.

Kerana terhimpit antara kos yang meningkat dan harga yang menurun, mereka tiada pilihan selain terpaksa mengurangkan pengeluaran bagi menurunkan kerugian keseluruhan operasi.

Masalah penternak ialah, walaupun mereka cekap daripada segi operasi namun mereka sangat bergantung kepada pengimportan bahan makanan menyebabkan industri ini mempunyai nilai tambah yang sangat kecil.

Gantian bahan import perludidapatkan segera bagi jagung dan soya?

Atau, bolehkah kita mewujudkan industri penanaman jagung dan soya?

Bolehkah kita ganti soya dengan ubi konjak atau daun kelor atau murunggai misalnya, sebagai sumber protein yang tinggi?

Peniaga runcit di pasaran juga

tertekan kerana pengguna menuduh mereka mengambil keuntungan lebih, walhal mereka menerima bekalan pada harga yang meningkat.

Ada peruncit yang lebih rela tidak menjual ayam daripada ditutup mengambil untung berlebihan.

Persoalannya, perlukan pengguna juga membuat tindakan proaktif?

Cara yang mudah untuk pengguna bertindak ialah untuk berhenti memakan ayam buat sementara.

Pengguna boleh mencari sumber protein lain seperti ikan dan sayuran, tauhu dan tempe. Pengurangan tekanan di pasaran akan mewaraskan lagi tindakan pengimport dan pemborong bagi menurunkan harga.

Satu papan telur pernah mengalami kenaikan sehingga RM3. Bagaimana mahu mengatasi masalah kenaikan harga ini?

Harga purata telur kini ialah 30 sen sebijji. Isi rumah di Malaysia memang sangat suka makan telur.

Setiap seorang daripada kita makan 330 telur setahun. Ia sepertnya merupakan sumber protein yang paling murah.

Namun kenaikan harga bolah menyebabkan harga telur ayam tidak munasabah berbanding dengan pendapatan keluarga.

Setiap keluarga membelanjakan hampir RM500 setahun untuk makan telur.

Pengguna boleh mengurangkan penggunaan telur dengan mencampurkan daun murunggai dalam telur dadar seperti yang dilakukan di India, Cina, Vietnam dan Indonesia.

Serbusk murunggai berwarna

hijau boleh di import dari India pada harga yang sangat memadal.

Malaysia memiliki tanah yang luas yang sesuai untuk penternakan selain tanaman makanan bagi ternakan. Adakah tanah ini tidak diguna sebaiknya sehingga menyebabkan berlakunya isu import makanan?

Masalah kita ialah cuaca dan persekitaran di Malaysia tidak begitu sesuai untuk penanaman jagung dan kacang soya secara besar-besaran.

Malaysia memerlukan 2.04 juta tan metrik makanan ayam dengan 1.122 juta tan jagung dan 510,000 tan kacang soya.

Ia sudah dicuba, tetapi kadar hasilnya tidak berbaloi berbanding dengan kadar hasil daripada tanaman kelapa sawit.

Setiap kali tiba musim perayaan, cuti panjang atau bencana, pasti harga barang utama seperti ayam mentah, telur ayam selain minyak masak paket 'meroket'. Mengapa ia berlaku, bagaimana mahu mengurangkan masalah ini?

Di Malaysia, beberapa industri dikawal oleh pembekal yang menguasai pasaran.

Mereka mengambil peluang musim perayaan untuk meraih kehilangan keuntungan di musim lain. Mereka adalah pemain strategi perniagaan yang bijak.

Di dalam strategi 'keselamatan makanan negara', kita perlu memikirkan bagaimana untuk memastikan industri makanan asas seperti padi, gula, minyak makan, lembu, kambing, susu, ayam, telur ayam dan ikan ini boleh distabilkan serta terus berupaya membekal kepada semua golongan pengguna pada harga munasabah.

Penternak mahu harga ayam dinaikkan kerana kos makanan tinggi, pengguna mahu harga diturunkan kerana ekonomi keluarga masih belum pulih. Apa yang boleh dilakukan oleh kerajaan yang sentiasa berdepan isu ini?

Di dalam sebuah ekonomi pasaran bebas, sebenarnya, peranan kerajaan hanyalah sebagai pemantau bagi memastikan pasaran yang cekap wujud.

Kegiatan pencatutan dan pengambilan untung berlebihan perlu menjadi tuntang utama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP).

Kementerian perlu sepanjang masa menyelidik dan menyiasat perjalanan pasaran bagi memastikan bukan sahaja harganya sesuai, tetapi lebih penting, memastikan rakyat mendapat bekalan makanan yang sesuai.

Bekalan telur kembali stabil akhir Februari

Jaminan daripada Timbalan Menteri KPDNHEP

Oleh RAHAYU MUSTAFA

HULU TERENGGANU

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) memberi jaminan bekalan telur ayam dalam pasaran akan kembali stabil dalam tempoh terdekat.

Timbalan Menterinya, Datuk Rosol Wahid berkata, jaminan itu dibuat hasil daripada pemantauan, pemeriksaan dan kutipan data libatkan 50 syarikat mewakili 80 peratus pengeluaran telur ayam di negara ini.

Menurut beliau, berdasarkan pemantauan dibuat sehingga 3 Februari lalu, sebanyak 91 peratus kesediaan bekalan telur ayam ada dalam pasaran negara dan jumlah itu agak stabil serta mampu memenuhi keperluan harian rakyat.

"Cuma kekurangan telur ayam ini disebabkan beberapa faktor antaranya termasuk peningkatan pembelian sebelum semasa dan selepas cuti Tahun Baharu Cina untuk dijadikan stok serta masalah logistik di ladang



Rosol (kiri) melihat telur yang dibeli oleh pelanggan dalam Program Jualan Keluarga Malaysia di Dataran Pasar Tani, Kuala Ping, Kuala Berang, Terengganu pada Sabtu.

telur ayam kerana cuti panjang menyebabkan penghantaran bekalan telur terganggu.

"Jaminannya pada minggu akhir Februari, itu ini akan selesai," katanya kepada pemberita selepas meninjau Program Jualan Keluarga Malaysia (PJKM) di Dataran Pasar Tani, Kuala Ping, Kuala Berang di sini pada Sabtu.

Rosol yang juga Ahli Parlimen Hulu Terengganu berkata, selain telur ayam, bekalan ayam mentah yang turut berdepan masalah kekurangan stok atas faktor sama juga dijangka selesai pada akhir bulan ini.

Jelas beliau, secara puratanya rakyat Malaysia menggunakan sekitar 30 juta biji telur ayam sehari dan 60

juta ekor ayam sebulan.

"Data pada Februari menunjukkan kita kekurangan sebanyak tiga juta ekor ayam tapi selepas ini pengeluaran ayam dijangka melebihi 60 juta, jadi itu ini akan selesai Insya-ALLAH," katanya.

Rosol memberitahu, susulan masalah ini, kerajaan menetapkan peraturan baharu agar pembekal ayam dan telur mengemukakan jumlah stok bahan keperluan itu secara mingguan berkuat kuasa serta merta bagi mengelak isi sama berulang pada masa akan datang.

"Ini penting supaya kita boleh mengambil langkah lebih awal sekiranya berlaku kekurangan bekalan telur dan ayam dalam pasaran," katanya.

Kerajaan disyor beri subsidi kepada penternak ayam

SHAH ALAM - Ahli Parlimen Bayan Baru, Sim Tze Tzin menyifatkan dua pendekatan dibuat oleh kerajaan iaitu kebenaran untuk mengimport ayam bulat sejuk beku dan pengawalan harga ayam pada RM8.90 sekilogram di Semenanjung bermula Sabtu.

Jurucakap Parlimen Hal Ehwal Pertanian dan Komoditi Parti Keadilan Rakyat (PKR) itu berkata, ia boleh diibaratkan sebagai *short term gain, long term pain* atau keuntungan jangka pendek, kesakitan jangka panjang.

"Sikap suka mengimport inilah yang menyebabkan industri pertanian negara selama ini tidak maju. Nasib rakyat pula terlalu bergantung kepada negara lain. Ini amat merbahaya.

"Kawalan harga ayam pada RM8.90 sekilogram sehingga Jun iaitu selama 121 hari juga amat luar biasa. Biasanya kawalan harga adalah pada sekitar dua minggu pada musim perayaan sahaja," katanya dalam kenyataan pada Sabtu.

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) sebelum ini dilapor memberi kebenaran untuk mengimport ayam bulat sejuk beku bagi tempoh tiga bulan bermula Disember 2021

sehingga Februari 2022. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) pula menetapkan harga siling runcit ayam standard RM8.90 sekilogram di Semenanjung bermula Sabtu.

Menteri KPDNHEP, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, harga itu akan kekal sehingga 5 Jun 2022 iaitu selama 121 hari bagi menjamin ketstabilan harga ayam.

Mengulas lanjut, Tze Tzin berkata, kawalan harga yang terlalu panjang akan menjelaskan penternak yang kini telah mengalami tekanan serius akibat kenaikan harga dedak dan gaji pekerja.

"Masalah sebenar kenaikan harga ayam adalah masalah kos input iaitu kos dedak dan kos pekerja. Kerajaan seharusnya lebih tumpu kepada menyelesaikan masalah sebenar ini," jelasnya.

"Subsidi pengeluaran padi telah lama dilaksanakan untuk meningkatkan pengeluaran padi. Cara ini boleh diguna pakai untuk sektor penternakan ayam," katanya.

Sehubungan itu, Tze Tzin mencadangkan kepada kerajaan memberikan subsidi RM500 satu metrik tan kepada penternak.

3,000 telur ayam licin dalam 30 minit

HULU TERENGGANU - Sebanyak 3,000 biji telur ayam habis dijual hanya dalam tempoh setengah jam pada Program Jualan Keluarga Malaysia (PJKM) di Dataran Pasar Tani, Kuala Ping, Kuala Berang di sini pada Sabtu.

Pengurus sebuah pasar raya di Kuala Berang, Mohammad Ridzwan Abdullah berkata, telur ayam gred C itu dijual pada harga RM11.50 untuk 30 biji berbanding harga pasaran RM11.70 kepada pengunjung yang datang bermula jam 8.30 pagi.

"Hari ini bekalan telur ayam ada 100 papan sahaja dan kita hadkan jualan hanya satu papan kepada seorang pengunjung, namun licin dalam masa setengah

jam.

"Jualan ini masih diteruskan esok (Ahad) tapi jumlah bekalan telur masih belum tahu berapa banyak kerana bergantung kepada stok semasa," katanya kepada pemberita pada PJKM di Dataran Pasar Tani Kuala Ping di sini pada Sabtu.

Selain telur, barang keperluan harian lain seperti minyak masak peket, ayam, daging, sayur dan ikan turut dijual pada harga 20 peratus lebih murah dari pasaran.

Seorang pengunjung, Zaleha Harun, 49, ketika ditemui berkata, jualan keluarga Malaysia membolehkannya mendapatkan bekalan telur.

"Saya datang seawal jam 8 pagi dan dapat beli sepanjang telur



Pengunjung membayar harga telur ayam yang dibeli pada Program Jualan Keluarga Malaysia (PJKM) di Dataran Pasar Tani, Kuala Ping, Kuala Berang, Terengganu pada Sabtu.

sebab terhad. Memang bekalan telur sekarang payah jadi berbaloi datang ke sini kerana dapat juga beli barang lain dengan harga lebih murah," katanya.

Sementara itu, Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Rosol Wahid berkata, PJKM di Kuala Ping merupakan

program ketiga diadakan di Parlimen Hulu Terengganu bagi memberi kemudahan penduduk kawasan ini mendapatkan barang lebih murah.

DATA COLLECTED FROM 50 COMPANIES

'Chicken egg shortage to be resolved soon'

KUALA BERANG: The chicken egg shortage in the market is expected to be resolved soon.

Deputy Domestic Trade and Consumer Affairs Minister Datuk Rosol Wahid said the ministry was monitoring and collecting data from 50 companies, which represented 80 per cent of egg suppliers in the country, to ensure the supply of chicken eggs in the market.

He said the increase in the purchase of chicken eggs before, during and after the Chinese New Year, apart from chicken farms and delivery companies not operating during the festive season, contributed to the disruption in the supply.

"Based on the data we have, the consumption of chicken eggs in Malaysia is 30 million a day, which means almost an egg a day by one person. That is a lot," he said at the Keluarga Malaysia Sales Programme here yesterday.

He said the chicken meat shortage would also be resolved by the end of the month, with the expected increase in chicken production after the Chinese New Year holiday.

He said based on data, a chicken meat shortage was expected



Deputy Domestic Trade and Consumer Affairs Minister Datuk Rosol Wahid (centre) at the Keluarga Malaysia Sales Programme in Kuala Berang, Terengganu, yesterday. BERNAMA PIC

this month.

"According to the data, there is a shortage of three million chickens in February. We need two million chickens a day, meaning 60 million chickens a month. But we have only 57 million this month."

Rosol said chicken suppliers and operators of poultry farms are now required to submit reports on their chicken stocks on a weekly basis to the ministry.

This was to enable the ministry to take action if there was a disruption in the supply, he said.

The government, he added, was taking proactive measures to ensure continuous supply of the 1kg polybag cooking oil in the market by limiting purchases.

On the Keluarga Malaysia Sales Programme, conducted in 24 locations in Terengganu since Dec 2, he said it had generated RM969,000 in sales. **Bernama**